



فَرَسَيْدٌ عَزِيزٌ وَمُحْتَوَاتٌ
مَعْمَدٌ كَرِيمٌ وَسَكُونٌ مَنَعٌ
يَا يَاسَنُ إِسْلَامُ كَلْتَن



3766/2
Perniagaan
Kertas 2
September 2024
2 jam 15 min

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2024 M / 1446 H**

**PERNIAGAAN
KERTAS 2**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN :

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B**, dan **Bahagian C**.
2. Jawab lima soalan **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B** dan satu soalan wajib di **Bahagian C**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.
6. Serahkan kertas jawapan anda kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Nama pemeriksa:

Bahagian	No Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	10	
	6	10	
B	7	15	
	8	15	
	9	15	
C	10	20	
JUMLAH		100	

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak

©2024 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK PERNIAGAAN K2

[LIHAT HALAMAN SEBELAH

Bahagian A

(50 markah)

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Aman Sdn.Bhd.

Nama pemiagaan	Syarikat Aman Sdn.Bhd
Alamat	Lot 213, Padang Pak Amat Pasir Puteh, Kelantan
Jualan Tahunan 2021	RM 10 juta
Bilangan Pekerja Tetap	50 Orang
Aktiviti Pasaran	Menyediakan perkhidmatan penghantaran barang ke seluruh negara

(i) Apakah saiz pemiagaan Syarikat Aman Sdn.Bhd?

(1 markah)

(ii) Terangkan cabaran yang dihadapi oleh pemiagaan di 1(a) (i).

(4 markah)

(b) Nyatakan lima komponen asas pemiagaan.

(5 markah)

2. (a) Situasi berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dari aspek ekonomi.

Situasi A	Situasi B
Kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan	Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan


(i) Apakah situasi A dan situasi B.

(2 markah)

(ii) Jelaskan peranan kerajaan dalam menangani masalah situasi A.

(4 markah)

(b) Rajah 1 menunjukkan graf kitaran ekonomi.



Jelaskan kitaran ekonomi yang berlaku pada fasa I dan fasa II.

(4 markah)

3. (a) Jelaskan jenis –jenis pelepasan cukai berikut :

(i) Potongan Cukai.

(2 markah)

(ii) Taraf Perintis.

(2 markah)


(ii) Elaun Cukai Pelaburan.

(2 markah)

(b) Jelaskan peranan pihak berkuasa tempatan.

(4 markah)


4. (a) Gambar berikut menunjukkan satu bahagian fungsian



Terangkan peranan bahagian fungsian tersebut.

(4 markah)

(b) Gambar berikut berkaitan dengan beberapa alat teknologi maklumat yang digunakan dalam aktiviti perniagaan.



Terangkan kaedah untuk mengaplikasi peralatan tersebut dalam aktiviti perniagaan.

(6 markah)

5. (a) Gambar di bawah menunjukkan maklumat berkaitan satu iklan jawatan kosong .

JAWATAN KOSONG DI POS LOGISTICS SDN JAWATAN : PEMANDU LORI Kelayakan : -Lesen E-Penuh (Bersendi) -2 tahun pengalaman memandu kenderaan bersendi -umur tidak melebihi 45 tahun -memiliki sijil SPM Email resume : <u>upppkperhebat@gmail.com</u> Hubungi : Tel : 03-61569124

Jelaskan kemahiran kebolehtkerjaan yang perlu dititik beratkan oleh Pengurus Sumber

Manusia dalam sesebuah perniagaan

(4 markah)

(b) Nyatakan faktor-faktor penentu sistem penggajian

(6 markah)


6. Maklumat berikut adalah butiran pada Penyata Aliran Tunai

Butiran	RM
Baki Awal	4000
Jumlah penerimaan	10,300
kurangan	40

(a) (i) Hitungkan jumlah pembayaran untuk penyata aliran tunai berkenaan (2 markah)

(ii) Jelaskan maksud kekurangan dalam penyata aliran tunai (2 markah)

(b) Gambar 1 dan 2 menunjukkan jenis stok yang digunakan dalam sesebuah perniagaan



Gambar 1



Gambar 2

Jelaskan perbezaan jenis stok bagi gambar 1 dan gambar 2 (6 markah)

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK PERNIAGAAN K2

[LIHAT HALAMAN SEBELAH



Bahagian B

(30 markah)

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan pemiagaan Puan Molly.

Puan Molly seorang pengusaha Keropok Lekor di Besut ,Terengganu yang memasarkan keluarannya ke seluruh Malaysia. Beliau menggajikan seramai 40 orang pekerja tetap dan purata jualan tahunan keropok adalah sebanyak RM 400,000. Melihat sambutan yang amat menggalakkan Puan Molly meluaskan pasaran ke Negeri sabah dan Sarawak. Beliau menggunakan promosi jualan dengan melantik beberapa agen untuk menarik lebih ramai pelanggan. Keropok Lekor didatangkan dengan pelbagai bentuk pembungkusan dan pelbagai perisa seperti original, tomyam, dan kari.

- (a) (i) Jelaskan klasifikasi pemiagaan Puan Molly mengikut saiz. (3 markah)
- (ii) Huraikan skala pemiagaan Puan Molly. (3 markah)
- (b) Adakah anda bersetuju dengan keputusan Puan Molly menggunakan kaedah promosi tersebut? Kemukakan alasan anda. (6 markah)
- (c) Jelaskan keupayaan Puan Molly membina jenama keropok lekornya. (3 markah)

8. Maklumat berikut berkaitan dengan Pemiagaan Ibu Clean.

Ibu Clean menyediakan perkhidmatan dobi di sekitar bukit bunga Tanah Merah, Kelantan. Misi pemiagaan ialah menyediakan perkhidmatan dobi yang cekap dan mesra pelanggan. Pemiagaan dobi ini beroperasi 24 jam.


Ibu Clean ini mempunyai 1 orang pekerja yang mahir tentang perkhidmatan dobi. Terdapat beberapa kelengkapan yang digunakan dalam operasi perkhidmatan pemiagaan iaitu

- 4 mesin basuh
- 4 mesin pengering

Pemintaan yang tinggi daripada penduduk setempat menyebabkan pemiagaan dobi perlu menambah beberapa buah lagi mesin basuh dan mesin pengering. Oleh itu, pihak pengurusan perlu mempertimbangkan untuk membeli mesin tersebut secara tunai atau sewa beli.

- (a) Mengapakah Ibu Clean menetapkan misi bagi pemiagaannya. (6 markah)
- (b) Ibu Clean perlu mengurus mesin dan peralatan dengan sistematik dan berjadual secara berkala. Jelaskan tujuan pemiagaan ini bertindak sedemikian (4 markah)
- (c) Apakah jenis pembiayaan yang sesuai dipilih oleh pemiagaan tersebut? Berikan alasan anda. (5 markah)

9. Rajah di bawah menunjukkan jumlah hasil dan jumlah kos bagi Alisa Enterprise yang menjalankan perniagaan air mineral di Pasir Putih, Kelantan .



(a) Apakah kawasan berlorek? (1 markah)

(b) (i) Jelaskan R (3 markah)

(ii) Pada pendapat anda, apakah strategi produk dan strategi promosi yang perlu dilaksanakan oleh Alisa Enterprise sekiranya pengeluaran berada berada di (b) (i) (8 markah)

(c) Hitung titik pulang modal perniagaan Alisa Enterprise dalam sebutan RM jika produk tersebut dijual pada harga RM10 dan kos berubah adalah RM 6 seunit (3 markah)

Bahagian C

(20 markah)

Soalan ini **wajib** dijawab.

10. Minat mendalam terhadap dunia perniagaan membuatkan Yahya bin Darus, 40 tahun, berhenti kerja sebagai eksekutif kawalan kredit di sebuah bank terkemuka semata-mata mahu menceburi bidang yang digemarinya sejak sekian lama. Usahanya dalam dunia perniagaan bersama isterinya sejak dua tahun lalu membuahkan hasil. Beliau merupakan seorang siswazah Kolej Profesional Mara yang melibatkan diri dalam perusahaan ikan pekasam di peringkat awalnya. Dalam mencari produk makanan yang mempunyai identiti dan kelainan, beliau akhirnya memutuskan untuk menghasilkan dan memasarkan daging pekasam selain ikan pekasam air tawar seperti puyu dan lampam.

Pemintaan tinggi dari negeri lain turut mendorongnya membuka perniagaan ini. Beliau mampu menghasilkan kira-kira 200 bungkus pekasam dengan menggunakan kira-kira 20 kilogram daging lembu setiap hari. Perniagaan Pekasam Daging Ori mengeluarkan produk pekasamnya dengan harga jual RM12 seunit yang beratnya 200 gram. Kos-kos di bawah berkaitan dengan pengeluaran pekasam daging orinya.



Kos bahan mentah seunit	RM5.00
Kos buruh langsung seunit	RM1.00
Kos tetap	RM30 000

Tidak dinafikan produk Perniagaan Pekasam Daging Ori mendapat permintaan di luar negara seperti Brunei dan Singapura, namun beliau masih mencari kaedah untuk menambah hasil pengeluaran tanpa menjejaskan kualiti produk. Encik Yahya terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi seperti kos tempat penyimpanan stok dan kos penghantaran. Beliau berhasrat memohon pinjaman sebanyak RM80 000 daripada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) untuk tempoh enam tahun, malangnya permohonan beliau telah ditolak.

Encik Yahya telah meminta pandangan seorang rakan mereka yang juga berpengalaman luas dalam bidang perniagaan ikan pekasam. Rakannya menasihatkan beliau mengubah perniagaan milikan tunggal kepada perkongsian. Dengan cara ini, Perniagaan Pekasam Daging Ori dapat mengembangkan operasi perniagaannya. Keputusan ini masih dalam pertimbangannya.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut.

- (a) Terangkan ciri - ciri usahawan yang dimiliki oleh Encik Yahya. (4 markah)
- (b) Huraikan sektor perniagaan yang terlibat dalam Perniagaan Pekasam Daging Ori. (3 markah)
- (c) Jelaskan perbezaan antara kos tetap dan kos berubah. (4 markah)
- (d) Nyatakan sebab permohonan pinjaman Encik Yahya ditolak oleh TEKUN. (2 markah)
- (e) Wajarkah pendapat rakannya diterima oleh Encik Yahya sebelum membuat keputusan?
Kemukakan alasan. (7 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT